



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TAHAP KEMISKINAN PENDUDUK KAWASAN SETINGGAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENDIDIKAN

YOBURAJ A/L THOMAS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: TAHAP KEMISKINAN PENDUDUK KAWASAN SETINGGAN
DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENDIDIKAN

No. Matrik / Matric's No.: M20131000867

Saya / I : YOBURAJ A/L THOMAS

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan ~~Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)*~~ ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. ~~Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek~~ ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan ~~Tesis/Disertasi~~ ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /
Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 17.12.2018

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmii / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kemiskinan penduduk kawasan setinggan serta hubungannya dengan tingkat pendapatan. Objektif spesifik yang disasarkan adalah seperti berikut, Mengukur tingkat pendapatan penduduk setinggan, Mengenal pasti tahap kebijakan penduduk setinggan, Menentukan tentang tingkat pendidikan penduduk setinggan dan Menganalisis hubungan di antara faktor pendidikan dan ekonomi penduduk setinggan. Penyelidikan ini bersifat satu kajian tinjauan yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data diperoleh dari dua kawasan setinggan terpilih iaitu Kampung Setia Jaya dan Kampung Chu Badak yang kedua-duanya terletak di kawasan Parlimen Wangsa Maju. Seramai 150 orang responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini dan kutipan data dilakukan melalui kaedah Pensampelan Rawak Strata. Analisis data menggunakan kaedah deskriptif statistik, ujian Korelasi Pearson dan juga ujian regresi. Dapatkan bagi analisis ekonomi menunjukkan 85% responden berada dalam kategori B40 (Pendapatan \leq RM 3860) manakala peratus yang selebihnya berada dalam kategori M40 ($\text{RM } 3860 < \text{Pendapatan} \leq \text{RM } 8319$). Dapatkan dari analisis kebijakan pula mendapati majoriti responden menikmati kemudahan infrastruktur tahap tinggi (74.7%), menerima bantuan kewangan dari pihak kerajaan (84%), dan merupakan pemilik harta tahap sederhana (78%). Dapatkan yang diperoleh bagi analisis pendidikan pula mendapati majoriti 69% berpendidikan tahap sederhana, diikuti seramai 8.4% dan 22.6% berpendidikan tahap tinggi dan rendah. Keputusan bagi analisis terakhir menunjukkan wujud hubungan signifikan (pada $\alpha=1\%$) di antara faktor pendidikan dan pendapatan dalam ujian korelasi Pearson ($r=0.757$, $P=0.000$) dan regresi ($p=0.000$). Kesimpulan kajian ini ialah, penduduk-penduduk setinggan secara amnya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah, yang menikmati tahap kebijakan dan pendidikan sederhana tinggi. Faktor kemiskinan didapati mempunyai hubungan positif dengan faktor pendidikan. Sebagai implikasi kajian, pihak berkuasa wajar memberi tumpuan yang tinggi terhadap aspek pendidikan anak-anak penduduk setinggan, serta membangunkan kesedaran ibu bapa mereka terhadap kepentingan pendidikan, dalam usaha mengecil dan melupuskan kawasan setinggan.

Kata kunci: Setinggan, kebijakan, ekonomi dan pendidikan





ABSTRACT

STATUS OF POVERTY AMONG SQUATTERS AND THE RELATIONSHIP BETWEEN POVERTY AND EDUCATION

The study aims to identify the poverty level of the squatters and its relationship with the level of education. The specific objective of this study are Measuring the income level of squatter residents, Identifying the welfare level of the squatters, Determining the level of education of squatters and Analyzing the relationship between income and education factors. This study is a survey type of research which uses questionnaires as the research instrument. The data were obtained from two selected squatter areas namely Kampung Setia Jaya and Kampung Chu Badak; which both are located in the Wangsa Maju Parliamentary constituency. A total of 150 respondents participated in this study and data collection was done via the Random Sampling Strata method. Data analysis uses statistical descriptive method, Pearson correlation test and also regression test. The findings of the economic analysis showed that 85% of the respondents were in the category of B40 (Income \leq RM 3860) while the remaining percentage was in the M40 category (RM 3860 $<$ Income \leq RM 8319). The findings from the welfare analysis found majority of respondents enjoyed high levels of infrastructure facilities (74.7%), receiving government financial assistance (84%), and having moderate level of property ownership (78%). The results obtained for the educational analysis found that majority of 69% were receiving moderate education level, followed by 8.4% and 22.6% obtaining higher and lower education level. The results for the last analysis showed the existence of significant relationship (at $\alpha=1\%$) between the education and the income factors in the Pearson correlation ($r=0.757$, $P=0.000$) and the regression ($p=0.000$) tests. The conclusions that can be made from this study are; squatters are comprised of low income people who enjoy moderate levels of welfare and education levels. Poverty factor is found out to have significant positive relationship with education factor. As the implication of this study; in the effort to narrow and dispose squatter areas authorities should put serious focus on the education aspect of squatter children and develop their parents' awareness on the importance of education.

Keywords: Squatter, economy, welfare, and education





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii



BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar belakang Kajian	3
1.2	Pernyataan Masalah	15
1.3	Objektif Kajian	16
1.4	Persoalan Kajian	16
1.5	Hipotesis Kajian	16
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	17
1.7	Kepentingan Kajian	20
1.8	Batasan Kajian	21





1.9	Definisi Operasional	21
1.10	Susun atur Bab	25

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.0	Pendahuluan	26
2.1	Kerangka Teori	26
2.2	Sorotan Literatur	30
2.3	Rumusan	52

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	53
3.1	Carta Alir Pelaksanaan Kajian	54
3.2	Reka bentuk Kajian	56
3.3	Populasi dan Sampel	57
3.4	Instrumen Kajian	58
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	60
3.6	Kaedah Menganalisis Data	61
3.7	Rumusan	65



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	66
4.1	Profil Responden	66
4.2	Dapatan Analisis Kajian	70
4.3	Rumusan	98





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
ix

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pendahuluan	100
5.1	Perbincangan	100
5.2	Kesimpulan	104
5.3	Cadangan Penyelesaian	105
RUJUKAN		109
LAMPIRAN		



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
ix



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Maklumat Setinggan (Tanah Kerajaan)	13
1.2 Maklumat Setinggan (Tanah Swasta)	14
3.1 Taburan Populasi dan Sampel	58
3.2 Taburan Tingkat Pendapatan	62
3.3 Taburan Tahap Pendidikan	63
3.4 Ringkasan Analisis Kajian	64
4.1 Taburan Profil Responden	67
4.2 Taburan Pekerjaan	71
4.3 Taburan Tingkat Pendapatan	73
4.4(a) Senarai Item Perbelanjaan	74
4.4(b) Taburan Corak Perbelanjaan Asas dan Mewah	76
4.4(c) Taburan Corak Perbelanjaan Asas dan Mewah Berdasarkan Tahap Ekonomi	79
4.5 Taburan Kemudahan Infrastruktur	81
4.6 Taburan Kemudahan Infrastruktur (Keseluruhan)	82
4.7(a) Taburan Bantuan Kewangan	83
4.7(b) Taburan Sumber Bantuan Kewangan	84
4.8 Taburan Pemilikan Harta	86
4.9 Taburan Pemilikan Harta (Keseluruhan)	87
4.10 Taburan Tahap Pendidikan	88





4.11	Taburan Tahap Pendidikan (Kategori)	90
4.12	Taburan Cross tabulation Tahap Pendidikan dan Tingkat Pendapatan	91
4.13	Taburan Ujian <i>Chi Square</i>	92
4.14	Taburan Ujian <i>Phi Coefficient</i> dan <i>Cramer's V</i>	93
4.15	Korelasi	94
4.16	Ringkasan Model	95
4.17	Koefisien / Pekali	96





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Unjuran Perbandaran mengikut Wilayah / Kawasan Utama	8
1.2 Unjuran Penghijrahan Desa dan Bandar di Malaysia	9
1.3 Kerangka Konseptual Kajian	17
3.1 Carta Alir Pelaksanaan Kajian	54



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiii

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Surat Kebenaran DBKL untuk menjalankan Penyelidikan
- C1 Surat Kebenaran DBKL untuk mendapatkan Maklumat Kajian
- C2 Surat Kebenaran DBKL untuk mendapatkan Maklumat Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



.. upsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832

**Pendahuluan**.du.myPerpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kemiskinan bukan satu isu baharu di mana-mana negara sekalipun. Ia adalah sangat umum sehingga ia menjadi salah satu isu utama yang diberi tumpuan dalam mana-mana dasar ekonomi negara. Jha & Tripathi (2014) menyatakan secara umumnya, kumpulan miskin difahami sebagai golongan yang tidak berupaya memenuhi keperluan hidup berdasarkan kualiti hidup. Sebagai contoh, mereka tidak mampu membayai penjagaan kesihatan dan pendidikan (Bank Dunia, 2009).

Di Malaysia, ukuran kemiskinan ditentukan melalui kedudukan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) seseorang individu atau ahli masyarakat. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata di bandar yang digariskan pada tahun 2014 menyatakan; kumpulan miskin adalah isi rumah yang termasuk dalam kategori B40, iaitu mereka



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



yang memperoleh tingkat pendapatan kasar purata bulanan kurang daripada RM940 di Semenanjung Malaysia, kurang daripada RM1,160 di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dan kurang daripada RM1,040 di Sarawak (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014). Kumpulan masyarakat miskin ini kemudiannya terbahagi kepada beberapa kumpulan iaitu: kumpulan Miskin Relatif dan Miskin Tegar. Kumpulan Miskin Tegar merujuk kepada golongan isi rumah dengan hasil pendapatan yang tidak berupaya menampung keperluan asas kehidupan seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal (Mansur, Bagul, Yusof et. al; 2013). Ukuran pendapatan kasar purata bulanan isi rumah Miskin Tegar di bandar adalah kurang daripada RM580 di Semenanjung Malaysia, serta kurang daripada RM690 di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan serta kurang daripada RM700 di Sarawak (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014).



pendapatan dalam bancian pada tahun 2014 mendapat, sebanyak 57.9 peratus isi rumah di Malaysia berada dalam kelas pendapatan RM4,000 dan ke atas manakala bakinya sebanyak 42.1 peratus isi rumah berada dalam kelas pendapatan RM3,999 dan ke bawah. Laporan yang sama juga mewartakan; secara khususnya di kawasan bandar, 65.1 peratus isi rumah berada dalam kelas pendapatan RM4,000 dan ke atas, manakala 34.9 peratus isi rumah berada dalam kelas pendapatan RM3,999 dan ke bawah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014).

Sebagai persediaan dalam usaha menaik taraf status sedia ada negara ke tahap negara maju menjelang 2020, isu kemiskinan sering diketengahkan dalam semua rancangan pembangunan dan dasar kerajaan oleh pemimpin-pemimpin negara. Dalam Rancangan Malaysia ke-11 (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri,





2015); yang merupakan fasa terakhir pelan hala tuju pembangunan dan merealisasikan matlamat Transformasi Nasional 50, usaha untuk mengubah nasib isi rumah B40 dengan pendapatan bulanan purata sebanyak RM2,537 telah diberi tumpuan khusus. Menurut RMK11, isi rumah B40 adalah seramai 2.7 juta. Daripada jumlah isi rumah B40 tersebut, 63.1 peratus isi rumah adalah dari bandar dan 36.9 peratus adalah dari luar bandar. Isu kemiskinan merupakan salah satu penunjuk dalam pembangunan sesebuah negara dan sekiranya masalah ini tidak ditangani, ia akan memberi impak negatif dalam usaha kerajaan untuk menaik taraf negara dari negara sedang membangun ke negara maju.

1.1 Latar belakang Kajian



Masalah kemiskinan sering dikaitkan dengan setinggan. Masalah penempatan setinggan atau perkampungan setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah lama wujud dan ia bukanlah satu fenomena baharu. Jangka masa yang lama itu telah menyebabkan pertumbuhan setinggan menjadi besar dari segi saiz; bilangan serta luas kawasan penerokaannya dan keadaan ini juga disumbangkan oleh faktor penghijrahan dan perbandaran. Menurut Laporan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), terdapat sejumlah 413,728 penduduk setinggan di seluruh negara pada bulan Disember 1997. Jumlah ini telah bertambah menjadi 540,495 penduduk setinggan atau 121,090 ketua keluarga di seluruh negara pada tahun 1999. Sebanyak 197 buah kampung setinggan yang melibatkan 23,970 rumah setinggan terdapat di Kuala Lumpur (KPKT, 1999). Keadaan ini membolehkan mereka mempunyai pengaruh yang kuat ke atas bentuk dan proses pembangunan dan perbandaran Kuala Lumpur. Ia





juga membentuk sebahagian dari ciri bandar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkembang dan tumbuh dengan pesatnya sekitar tahun 70-an. Terdapat banyak sebab yang membawa kepada perkembangan ini dan faktor yang lazim dikaitkan adalah faktor berhijrah dan perkembangan atau pembangunan bandar Kuala Lumpur itu sendiri. Kedua-dua faktor ini menjadi daya tarikan penduduk luar bandar (desa) membanjiri Kuala Lumpur untuk tujuan mencari pekerjaan atau merebut peluang dari proses pembangunan bandar Kuala Lumpur. Sebahagian besar dari setinggan di bandar Kuala Lumpur ini tidak mempunyai penyelesaian lain dalam masalah perumahan mereka. Menduduki tanah secara haram merupakan satu-satunya pilihan yang ada. Sebagai satu masyarakat setinggan, setinggan adalah agak bersatu dan perpaduan mereka itu dapat menentukan kedudukan dan masa depan mereka. Guna tenaga mereka di dalam

ekonomi bandar Kuala Lumpur sangat diperlukan. Walaupun begitu, oleh kerana kebanyakan perkampungan/penempatan setinggan lazimnya tidak teratur, sesak dan tidak diselenggarakan, ianya dianggap tidak sesuai dan menjolok mata dalam suasana dan ciri bandar moden, terutamanya bagi bandar bertaraf ibu kota.

Percambahan penempatan setinggan dan cabaran yang berkaitan dengannya adalah salah satu masalah persekitaran hidup yang paling kronik dihadapi oleh negara ini pada masa ini. Kajian ini dilihat sebagai tindak balas kepada golongan berpendapatan rendah dan golongan penganggur tidak berupaya untuk membina tempat tinggal di tanah berpatutan dan menikmati perkhidmatan perumahan yang lain. Setinggan menimbulkan sifat-sifat yang tidak dirancang seperti:-

- i. Pencemaran alam sekitar
- ii. Isu kesihatan awam





- iii. Mendedahkan kepada peningkatan bencana alam dan bencana yang disebabkan oleh manusia
- iv. Tempat untuk aktiviti jenayah

1.1.1 Dasar Kerajaan Terhadap Setinggan

Sebelum tahun 1979, dasar kerajaan terhadap isu setinggan tidaklah begitu jelas tetapi pada tahun 1979 kerajaan Malaysia; melalui keputusan Kabinet, telah merumuskan 5 dasar yang jelas iaitu:-

- i. Mencegah dan mengawal pertumbuhan setinggan baharu di atas tanah kerajaan.
- ii. Mengatur program pemindahan dan penempatan semula setinggan secara berperingkat-peringkat.
- iii. Membangun kawasan setinggan dengan projek perumahan awam.
- iv. Memberi kemudahan dan perkhidmatan asas kepada kawasan setinggan yang belum dipindahkan.
- v. Rumah setinggan di atas tanah kerajaan yang terlibat dengan projek pembangunan yang dirobohkan hendaklah diberi alternatif perumahan awam.

Dasar-dasar kerajaan ini dilaksanakan secara pentadbiran dan juga melalui kuatkuasakan undang-undang. Undang-undang yang bersabit dengan setinggan yang dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah Kanun Tanah Negara dan Peraturan-Peraturan Perlu (Pembersihan Setinggan-Setinggan) 1969 (P.U. (a) 395/1969).





1.1.2 Undang-Undang yang Diguna Pakai

Terdapat tiga undang-undang yang melibatkan setinggan. Antaranya adalah:-

- i. Ordinan (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1969 : Peraturan-Peraturan Perlu (Pembersihan Setinggan-Setinggan) 1969.
- ii. (Akta 267) Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 Di Bawah Bahagian 4: Kawalan Perancangan
- iii. Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 425 (1) (c)

1.1.3 Faktor Penyumbang bagi Pertumbuhan Kawasan Setinggan



Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pembentukan kawasan setinggan di sekitar Kuala Lumpur. Dua faktor utama yang diberi fokus dalam kajian ini ialah faktor Perbandaran serta faktor Pertumbuhan Ekonomi dan Penghijrahan.

1.1.3.1 Perbandaran

Perbandaran merujuk kepada pembangunan di kawasan bandar (Kuala Lumpur) yang memberi kesan terhadap masyarakat, sama ada positif atau pun negatif. Pembentukan kawasan setinggan kesan dari proses perbandaran di sekitar kawasan Kuala Lumpur adalah satu bentuk kesan negatif. Dalam erti kata lain, walaupun perbandaran merupakan indikator pembangunan tetapi ia juga menjadi penyebab pada kewujudan





fakta negatif di mana tahap kemiskinan menjadi semakin meningkat di kawasan bandar berbanding kawasan luar bandar (Rao, Jaswal & Kumar 2004).


Setinggan sering dikaitkan dengan mereka yang berhijrah dari luar bandar ke bandar. Kerancakan penghijrahan penduduk dari desa ke kota bermula di sekitar tahun 1970an. Peluang pekerjaan di kawasan bandar akibat daripada perindustrian pada tahun tersebut dan tahun-tahun yang berikutnya, mengakibatkan sejumlah 20 peratus penduduk berhijrah dari desa ke bandar (UNDP, 2009). Penghijrahan yang berlaku menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dan pertumbuhan perbandaran.

1.1.3.2 Pertumbuhan Ekonomi, Penghijrahan dan Pertumbuhan Bandar




Pertumbuhan yang dialami oleh Malaysia di sekitar tahun 50an dan yang berikutnya adalah amat memberangsangkan bukan sahaja di peringkat ASEAN malah juga jika diukur sehingga ke peringkat Asia Tenggara. Malaysia juga merupakan salah satu negara yang merekodkan ekonomi paling kukuh; hasil dari pertumbuhan pesat industri pembuatan di kawasan-kawasan bandar, di rantau ASEAN dan juga di rantau Asia Tenggara (UNDP, 2009). Penduduk bandar di Malaysia dijangka mencecah hampir 78 peratus pada tahun 2020 berbanding hanya 62 peratus pada tahun 2000 (United Nations, 2012). Rajah 1.1 menunjukkan pertumbuhan bandar di Malaysia adalah lebih tinggi daripada pertumbuhan Asian Tenggara dan di benua Asia secara keseluruhannya.





Rajah 1.1. Unjuran Perbandaran Mengikut Wilayah/Kawasan Utama. Sumber: *Department of Economic and Social Affairs, United Nations, 2012*

bandar yang pesat di Malaysia. Rajah 1.2 memaparkan penghijrahan penduduk dari desa ke bandar (United Nations, 2012). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, penduduk bandar pada tahun 2011 berjumlah 13.7 million berbanding hanya 8.9 million pada tahun 1991. Pertumbuhan sebanyak 35.7 peratus telah dicatatkan. Pertambahan penduduk ini telah menyebabkan perbandaran di Kuala Lumpur.



Rajah 1.2. Unjuran Penghijrahan Desa dan Bandar di Malaysia. Sumber: *Department of Economic and Social Affairs, United Nations*, 2012

1.1.4 Perbandaran dan Pembentukan Kawasan Setinggan

Proses perbandaran bukan sahaja membawa kepada pertumbuhan dan modenisasi, malah juga telah menyebabkan kewujudan kemiskinan; ketidakmampuan untuk membeli rumah, dan pertumbuhan kawasan-kawasan penduduk setinggan (Mohanty, 2000). Banci 2010 yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan penurunan dalam peratusan pemilikan rumah oleh mana-mana ahli dalam isi rumah persendirian iaitu daripada 67.3 peratus pada 2000 kepada 59.0 peratus pada 2010. Peratusan isi rumah yang tidak memiliki rumah pula adalah sebanyak 21.3 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).



Masalah kemiskinan menyebabkan masih terdapat 21.3 peratus rakyat tidak mampu memiliki rumah. Menurut UN Habitat, populasi yang terlibat dalam masalah setinggan di negara-negara berpendapatan tinggi pada tahun 2000 adalah sebanyak 800 million di bandar dan 200 million di luar bandar. Populasi setinggan ini diunjurkan meningkat kepada 900 million di bandar pada tahun 2030 dan di luar bandar pula kekal pada 200 million pada tahun 2030. Manakala populasi setinggan di negara-negara berpendapatan sederhana dan rendah pada tahun 2000 adalah sebanyak 2000 million di bandar dan 3000 million di luar bandar. Populasi setinggan di bandar yang diunjurkan pada tahun 2030 meningkat kepada 4000 million manakala unjuran populasi setinggan di luar bandar kekal pada 3000 million. Di Asia, masalah setinggan merangkumi sebanyak 42 peratus dari populasi keseluruhan. Malaysia yang merupakan salah sebuah negara di Asia turut terlibat dalam masalah setinggan.



Menurut Kamus Dewan, setinggan merujuk kepada rumah yang didirikan di atas tanah kerajaan secara haram atau tanpa kebenaran. Biasanya rumah setinggan terletak di kawasan bandar dan tidak sempurna kemudahan asasnya. Dari maklumat yang diperoleh dari pihak Dewan Bandar raya Kuala Lumpur setinggan merujuk kepada rumah, pondok, bangsal, gerai, sengkuap, tempat perteduhan, kurungan beratap, atau sebarang sambungan atau binaan yang bercantum kepada sesuatu bangunan atau binaan lain yang dibuat daripada sebarang jua bahan dan sama ada digunakan sebagai tempat kediaman manusia atau selainnya yang telah dibina atau sedang dalam binaan mengikut sebarang cara melainkan mengikut pelan yang diluluskan oleh sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan yang terletak di atas tanah “Ordinan (Kuasa Perlu) Darurat 1969”.





Satu takrifan asas setinggan adalah kawasan yang haram atau tidak sah tanah atau perumahan. Oleh itu, penempatan setinggan boleh ditakrifkan sebagai kawasan perumahan yang telah dibangunkan tanpa tuntutan undang-undang kepada tanah atau kebenaran daripada pihak berkuasa berkenaan untuk membina rumah. Akibat daripada kawasan haram atau tidak berkelulusan di sisi undang-undang, infrastruktur dan kemudahan asas mereka biasanya tidak sempurna dan tidak mencukupi.

Terdapat tiga ciri setinggan yang membantu untuk memahami fenomena ini iaitu fizikal, sosial dan undang-undang. Ciri-ciri fizikal setinggan biasanya termasuk kemudahan asas dan infrastruktur di bawah tahap yang mencukupi atau minimum. Ini termasuk air, elektrik, jalan raya, dan kemudahan kesihatan serta lain-lain lagi. Ciri-ciri sosial pula merujuk kepada golongan miskin di mana kebanyakan penduduk dari

golongan berpendapatan rendah yang sebahagian besarnya bekerja dalam sektor tidak formal. Dari segi undang-undang pula, kawasan setinggan dicirikan sebagai tanah haram di mana penduduk-penduduk tidak mempunyai sebarang hak milik ke atas tanah yang mereka menduduki atau membina rumah-rumah mereka.

Kawasan setinggan wujud dalam bentuk kediaman kerana penduduk setinggan terlibat dalam aktiviti pertanian dan komersial. Jimmy Tindigarukayo (2005) dalam penilaian dasar berhubung kawasan setinggan di Jamaica telah mengenal pasti lima faktor yang dianggap sebagai faktor yang telah memburukkan lagi masalah setinggan. Faktor-faktor yang diketengahkan adalah:-

- i. Penghijrahan dari luar bandar ke bandar
- ii. Kekurangan perumahan
- iii. Masalah kewangan





- iv. Sokongan politik
- v. Terdapat tanah-tanah terbiar

Penduduk setinggan yang hidup dengan serba kekurangan akibat kemiskinan turut mengalami masalah ketidakupayaan untuk mendapat pendidikan. Tahap pendidikan penduduk setinggan terjejas kerana kemiskinan. Menurut kajian Mohamad Johdi Salleh, et., al. (2009), masalah kemiskinan, kesempitan hidup dan kewangan menyebabkan ibu bapa tidak mampu untuk menampung perbelanjaan sekolah anak-anak. Oleh itu, anak-anak mereka bekerja untuk membantu menyara keluarga, membantu ibu bapa untuk menjalankan pekerjaan mereka dan menjaga adik-beradik semasa ibu bapa bekerja.



makanan yang berkhasiat kepada anak-anak untuk perkembangan minda. Ia boleh mempengaruhi konsentrasi dan pembelajaran harian. Kekurangan zat yang mempengaruhi pembesaran dan kekurangan pengawasan oleh ibu bapa boleh mengehadkan pembelajaran. Hal ini kerana kekurangan motivasi untuk belajar dan perkembangan kognitif yang lambat. Akhirnya anak-anak penduduk setinggan menjadi buta huruf.





Jadual 1.1

Maklumat Setinggan Mengikut Kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Tanah Kerajaan) sehingga 30.11.2015

Bil	Parlimen	Maklumat Setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur		
		Bilangan Kawasan Setinggan	Jumlah Keluarga Setinggan Asal	Baki Keluarga Setinggan Terkini
1	Batu	5	455	203
2	Bandar Tun Razak	2	101	57
3	Cheras	3	624	601
4	Bukit Bintang	-	-	-
5	Kepong	2	113	113
6	Lembah Pantai	-	-	-
7	Segambut	1	8	8
8	Seputeh	1	251	34
9	Setiawangsa	1	87	18
10	Titiwangsa	-	-	-
11	Wangsa Maju	3	280	257
		Jumlah	18	1919
				1291

Sumber: Garis Panduan Pengurusan Setinggan, DBKL, 2015





Jadual 1.2

Maklumat Setinggan Mengikut Kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Projek Penswastaan) – sehingga 30.11.2015

Bil	Parlimen	Maklumat Setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur		
		Bilangan Kawasan Setinggan	Jumlah Keluarga Setinggan Asal	Baki Keluarga Setinggan Terkini
1	Batu	2	254	254
2	Bandar Tun Razak	-	-	-
3	Cheras	1	90	70
4	Bukit Bintang	-	-	-
5	Kepong	3	1106	1106
6	Lembah Pantai	-	-	-
7	Segambut	-	-	-
8	Seputeh	-	-	-
9	Setiawangsa	-	-	-
10	Titiwangsa	1	160	94
11	Wangsa Maju	1	86	86
Jumlah		8	1696	1610

Sumber: Garis Panduan Pengurusan Setinggan, DBKL, 2015





1.2 Pernyataan Masalah

Menurut Laporan Bank Dunia 2009, kemiskinan ditakrifkan sebagai “... kelaparan.

Kemiskinan adalah kekurangan tempat tinggal. Kemiskinan adalah apabila tidak sihat, tidak sanggup dan tidak mampu untuk berjumpa doktor. Kemiskinan adalah tidak mempunyai perkhidmatan persekolahan dan tidak boleh membaca. Kemiskinan adalah tidak bekerja, takut akan masa depan. Kemiskinan diumpamakan seperti kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kemiskinan adalah kehilangan seorang kanak-kanak kerana masalah kesihatan akibat daripada air yang tidak bersih. Kemiskinan adalah tidak berkuasa, kekurangan perwakilan dan kebebasan” (Bank Dunia, 2009). Kenyataan yang dikeluarkan oleh laporan yang sama juga mendakwa, masyarakat yang tidak memiliki tempat tinggal yang sah dan tidak mempunyai perkhidmatan persekolahan dikategorikan sebagai miskin. Selain itu, penduduk miskin juga dikaitkan dengan pelbagai isu berantai lain yang disabitkan wujud kerana faktor kemiskinan; seperti penghalang pembangunan, mengabaikan faktor keselamatan dan kesihatan.

Lanjutan dari permasalahan yang dikemukakan di atas, pengkaji berhasrat untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam untuk melihat sejauh mana kebenaran dakwaan ini terhadap kumpulan penduduk miskin. Pilihan kumpulan penduduk miskin dalam kajian ini di beri fokus kepada penduduk setinggan di kawasan-kawasan terpilih di Kuala Lumpur. Aspek yang diberi tumpuan ialah tingkat pendapatan, tahap kebijakan dan juga status pendidikan penduduk setinggan.





1.3 Objektif Kajian

Objektif umum atau tujuan kajian ini ialah; mengenal pasti tahap kemiskinan penduduk kawasan setinggan serta hubungannya dengan tingkat pendapatan.

Penyataan objektif khusus yang disasarkan pula adalah seperti berikut;-

- i. Mengukur tingkat pendapatan penduduk setinggan.
- ii. Mengenal pasti tahap kebajikan penduduk setinggan.
- iii. Menentukan tingkat pendidikan penduduk setinggan.
- iv. Menganalisis hubungan di antara faktor pendidikan dan faktor ekonomi penduduk setinggan.



- i. Berapakah tingkat pendapatan (isi rumah) penduduk setinggan?
- ii. Apakah tahap kebajikan penduduk setinggan?
- iii. Apakah status pendidikan penduduk setinggan?
- iv. Apakah hubungan di antara tahap pendidikan dan ekonomi?


1.5 Hipotesis Kajian

H_0 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan dan tahap ekonomi.

H_1 : Terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan dan tahap ekonomi.



1.6 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Keseluruhan



Kerangka konseptual keseluruhan bagi kajian ini dipaparkan di Rajah 1.3. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kemiskinan penduduk kawasan setinggan dan hubungannya dengan pendidikan. Demi mencapai matlamat ini, tingkat pendapatan, tahap kebijakan dan tingkat pendidikan penduduk kawasan setinggan telah diukur. Perkara ini dipaparkan melalui cabang-cabang kajian ini iaitu, ekonomi, kebijakan dan pendidikan.

Tahap ekonomi, kebijakan dan pendidikan diukur berdasarkan maklumat-maklumat pecahan yang diperoleh. Bagi menilai status ekonomi, tingkat pendapatan ketua dan pasangan, sumbangan anak, sumber pendapatan lain tetap dan sumber pendapatan lain tidak tetap bagi setiap keluarga dikutip. Kemudian, kesemua pendapatan tersebut dijumlahkan dan jumlah pendapatan tersebut dikategorikan menurut tahap pendapatan yang diumumkan oleh kerajaan iaitu B40, M40 dan T20.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

B40 merujuk kepada jumlah pendapatan purata yang kurang daripada RM3860. Keluarga yang mendapat jumlah pendapatan ini adalah golongan miskin. M40 pula merujuk kepada jumlah pendapatan purata antara RM3860 hingga RM8319. Keluarga yang berstatus ekonomi sederhana adalah mereka yang berpendapatan M40. Manakala, T20 merujuk kepada jumlah pendapatan purata yang lebih daripada RM8319. Keluarga yang memperoleh jumlah pendapatan ini dikatakan kaya. Selain jumlah pendapatan, jumlah perbelanjaan keluarga juga dikira kerana ia juga merupakan satu cara untuk mendapatkan jumlah pendapatan. Jumlah perbelanjaan dikira berdasarkan dua aspek perbelanjaan iaitu barang keperluan dan barang kemewahan. Keperluan merujuk kepada makanan dan minuman, pakaian dan kasut, air, elektrik, gas dan bahan api, perbelanjaan perubatan, insurans, pengangkutan, komunikasi dan pendidikan. Kemewahan pula merujuk kepada minuman alkohol,





tembakau, astro, alat solek, perkakas rumah, hiasan rumah, hiburan, makan di kedai atau restoran, barang-barang emas, bayaran penginapan, bayaran ansuran rumah, bayaran ansuran kenderaan dan bayaran ansuran tanah. Kesemua perbelanjaan ini dijumlahkan dan jumlah perbelanjaan ditolak dari jumlah pendapatan untuk mendapatkan baki. Baki yang diperoleh dianggap tabungan keluarga.

Tahap kebajikan pula diukur berdasarkan tiga aspek iaitu pemilikan harta, infrastruktur dan bantuan yang diperoleh. Sebanyak 34 harta yang dikenal pasti telah disenaraikan dan responden dipohon untuk menandakan harta yang dimiliki. Kemudahan infrastruktur diukur berdasarkan lapan kemudahan yang dinikmati oleh penduduk setinggan iaitu, bekalan elektrik, bekalan air paip, jalan berturap, talian telefon, jaringan internet, penerimaan pos, perkhidmatan pungutan sampah dan perkhidmatan sistem kumbahan dan saliran yang sistematik. Bantuan yang diterima oleh penduduk setinggan dinilai dalam kajian ini kerana kerajaan telah menetapkan garis panduan atau beberapa kriteria untuk memberikan bantuan iaitu, jumlah pendapatan purata isi rumah mesti berada dalam kategori B40, salah seorang atau kedua-dua ketua dan pasangan tidak boleh mempunyai lesen pendaftaran syarikat di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan lain-lain lagi. Daripada kriteria ini boleh dikatakan bahawa isi rumah yang tidak mendapat bantuan BRIM adalah bukan keluarga miskin. Keputusan tahap kebajikan dibuat berdasarkan beberapa kategori yang ditetapkan. Kategori ini diterangkan dengan lebih lanjut dalam bab 4.

Tahap pendidikan ketua dan pasangan diukur berdasarkan empat kategori iaitu, tidak bersekolah dan sekolah rendah, sekolah menengah, sijil dan diploma serta ijazah dan ke atas. Keempat-empat kategori ini diberikan tahap iaitu rendah,





sederhana rendah, sederhana tinggi dan tinggi. Ukuran tahap pendidikan telah dijalankan dengan mengambil kira tempoh tahun yang diperlukan untuk pengajian sesuatu kategori tersebut. Pengukuran tersebut akan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam bab 3 (Jadual 3.3).

1.7 Kepentingan Kajian

Secara khususnya, kajian ini dijalankan dengan mengambil kira beberapa kepentingan. Antaranya, hasil daripada kajian ini dapat membantu menjawab persoalan-persoalan tentang tahap kebijakan (sosial-ekonomi) penduduk setinggan seperti tingkat pendapatan, tahap kemiskinan, tahap pendidikan dan hubungan antara kemiskinan dengan tahap pendidikan penduduk setinggan. Di samping itu, hasil kajian ini akan memperluaskan pengetahuan khususnya dari aspek pentadbiran dan pengurusan yang berkaitan dengan tahap kebijakan penduduk setinggan.

Selain itu, kajian ini dapat memberi maklumat dan panduan kepada pembuat dan perancang dasar tentang polisi-polisi utama yang perlu diberi perhatian. Kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan serta pengukur kepada pihak kerajaan tempatan, terutamanya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam usaha untuk menilai, merancang, mengelola dan melaksanakan sesuatu keputusan atau dasar bagi menghalang kewujudan semula masalah setinggan.





1.8 Batasan Kajian

Terdapat secara jumlah 11 kawasan parlimen di Bandaraya Kuala Lumpur. Menurut data Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, populasi isi rumah setinggan di tanah kerajaan adalah berjumlah 1291 (Jadual 1.1). Daripada populasi tersebut sampel yang dipilih hanya seramai 150 isi rumah sahaja. Daripada jumlah responden kajian tersebut, penduduk setinggan di Kampung Puah seramai 32 responden dipilih sebagai responden kajian perintis. Demi memenuhi syarat untuk pengurniaan ijazah sarjana pendidikan (ekonomi), penulisan kertas ilmiah ini hanya ditumpukan di dua kawasan sampel yang terpilih sahaja dalam proses kutipan data. Keputusan ini dibuat berdasarkan cadangan dari pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan mempertimbangkan faktor kerjasama dan keselamatan yang diperoleh dari penduduk setinggan tersebut.

Kajian ini terbatas kepada kawasan setinggan di Kuala Lumpur sahaja sedangkan masalah setinggan wujud di seluruh Malaysia. Tempoh kajian dilaksanakan pada tahun 2017. Keputusan kajian ini boleh diguna pakai dalam tempoh lima tahun ke belakang dan lima tahun ke depan.

1.9 Definisi Operasional

Kajian ini melibatkan beberapa istilah yang utama. Antaranya ialah miskin, miskin tegar, miskin bandar dan setinggan. Menurut konteks Malaysia, miskin di bandar merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan kurang atau bersamaan dengan RM940.00 (Semenanjung Malaysia), RM1,160.00 (Sabah/Labuan) dan RM1,040.00 (Sarawak). Manakala miskin tegar adalah isi rumah yang jumlah pendapatan mereka





kurang atau bersamaan dengan RM580.00 (Semenanjung Malaysia), RM690.00 (Sabah/Labuan) dan RM700.00 (Sarawak). B40 merujuk kepada pendapatan purata bulanan kurang dari RM3860. M40 merujuk kepada pendapatan purata bulanan antara RM3860 hingga RM8319. T20 merujuk kepada pendapatan purata bulanan lebih dari RM 8319. Perbandaran merujuk kepada perluasan saiz geografi dan saiz penduduk akibat dari pertumbuhan ekonomi yang pesat. Penghijrahan merujuk kepada penduduk yang berpindah tempat tinggal dari luar bandar ke bandar untuk mendapatkan pekerjaan.

Terdapat sejarah yang sangat panjang bagaimana pentakrifan kemiskinan dilakukan oleh ahli akademik di peringkat global. Perbincangan dan pendekatan yang didebatkan kadang-kala membawa kepada takrifan dari dimensi yang lebih luas kepada sempit untuk memastikan kemiskinan berdasarkan taraf hidup atau pendapatan atau keupayaan seseorang.

Konsep kemiskinan mutlak dan relatif telah dibincangkan dalam aspek yang berbeza oleh ahli-ahli ekonomi. Beberapa penyelidik dan ahli akademik mempertimbangkan kemiskinan hanya dari segi pendapatan atau tahap yang lebih besar iaitu hak ke atas sumber-sumber kewangan. Tetapi pendekatan ini telah dikritik kerana ia mengabaikan status sosial seseorang individu yang merupakan sebahagian daripada masyarakat. Aspek penting yang perlu ditekankan adalah bukan sahaja taraf sosial yang mempunyai kesan ke atas taraf hidup dan pendapatan keseluruhan seseorang individu tetapi kadang-kala taraf pendapatan dan taraf hidup menandakan terdapat taraf sosial yang dinilai melalui penyertaan sosial mereka. Oleh itu, selain





daripada aspek pendapatan, aspek lain yang perlu dipertimbangkan adalah penyertaan sosial seseorang (Kandari, P., 2005).

Nolan & Whelan (1997) mentakrifkan kemiskinan dari segi ketidakupayaan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti masyarakat. Mereka menekankan dengan jelas bahawa ketidakupayaan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti masyarakat adalah kerana kekurangan sumber. Kajian oleh Lister (2004) yang seakan selari dengan kajian Nolen dan Whelan (1997), dengan jelas membuat ukuran kemiskinan dengan menitikberatkan perkara penyertaan sosial yang dinilai oleh kawalan ke atas sumber kewangan. Walau bagaimanapun, ada yang berpendapat definisi tersebut masih tidak luas kerana tidak termasuk unsur-unsur bukan material dalam mentakrifkan kemiskinan. Langmore (2000) yang mengulas tentang perkara ini menyatakan, aspek-aspek yang bukan material adalah seperti kekurangan penyertaan dalam membuat keputusan, pencabulan martabat manusia, ketiadaan kuasa dan kecenderungan kepada keganasan. Bersabit dengan isu yang sama, kajian oleh Kandari (2005) walau bagaimanapun pula berpendapat, takrifan kemiskinan boleh dibuat dari pelbagai dimensi dengan memasukkan aspek-aspek sosial dan bukan materialistik.

Aspek lain yang dibahaskan untuk mentakrifkan kemiskinan adalah sama ada ia ditakrifkan semata-mata dari segi pendapatan atau aspek yang lebih berkaitan iaitu taraf hidup juga perlu dipertimbangkan. Taraf hidup merujuk kepada kedudukan seseorang dalam masyarakat (Kandari, 2005). Menurut Sen (1980), kemiskinan merujuk kepada kekurangan keupayaan. Keupayaan seseorang boleh terhalang melalui pelbagai cara iaitu; kekurangan pendidikan, tadbir urus yang buruk,





kekurangan pendapatan dan lain-lain lagi. Pendekatan ini menyatakan bahawa kebahagian diwujudkan dengan pelbagai cara iaitu melalui komponen material dan bukan material.

Pendekatan lain berkaitan dengan isu kemiskinan adalah kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak merujuk kepada kekurangan sumber asas yang diperlukan untuk hidup dan ditentukan oleh kerajaan (Kandari, 2005). Kemiskinan mutlak menerangkan keadaan di mana keperluan asas tidak dapat memenuhi kepuasan keseluruhan hidup. Hal ini kerana kemiskinan mutlak adalah sumber minima yang perlu untuk hidup (Usman, 2009). Kemiskinan relatif adalah unjuran, di mana ia menunjukkan bilangan penduduk relatif miskin kepada penduduk lain dalam sesuatu kawasan tertentu (Kandari, 2005). Dalam hal ini, kemiskinan pada dasarnya ialah ketidaksamaan.



Di Malaysia, kawasan setinggan ditakrifkan di bawah Seksyen 3, Akta Kawasan Setinggan (Penambahbaikan dan Pelepasan) 1956 iaitu pembinaan bangunan di kawasan setinggan tidak sesuai untuk didiami atau rumah yang usang, lebih kesesakan, penyusunan rekabentuk bangunan yang tidak teratur, kesempitan atau pembinaan jalan yang tidak tertatur, kekurangan pengudaraan, cahaya, kemudahan sanitasi atau mana-mana gabungan faktor-faktor ini yang menjelaskan keselamatan, kesihatan dan akhlak penduduk.





1.10 Susun Atur Bab

Terdapat lima bab dalam kajian ini. Bab ke dua membincangkan aspek-aspek tinjauan literatur berkaitan penduduk setinggan, kawasan setinggan dan sebab-sebab kewujudan kawasan setinggan serta kesan-kesan kawasan setinggan. Bab ke tiga pula membincangkan tentang metodologi kajian yang akan digunakan untuk mengukur kualiti hidup masyarakat setinggan. Analisis kualiti hidup penduduk setinggan adalah berdasarkan pemboleh ubah yang dikenal pasti iaitu tingkat pendapatan, tahap kebijakan dan tahap pendidikan. Dapatan analisis tersebut akan dibincangkan dalam bab yang ke empat. Bab terakhir iaitu bab lima merangkumi perbincangan, kesimpulan dan cadangan kajian ini.

